

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

'Henti pertikai pakaian jururawat'

KKM utamakan penyampaian khidmat terbaik berbanding isu seragam kakitangan

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan (KKM) mempunyai etika pemakaian yang jelas dan sudah ditetapkan, kata Menteri, Dr Zaliha Mustafa.

Berikutan itu, katanya, isu pakaian jururawat hospital awam

di negara ini yang dikatakan ketat dan tidak mematuhi syariah, tidak perlu diperbesarkan.

Katanya, apa yang lebih diberikan keutamaan KKM adalah soal penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Saya sebenarnya sudah menjawab hal ini dan pada saya jika lihat pada pakaian jururawat ini ada etika yang jelas."

"Pada saya, ia tiada masalah, kerana yang paling penting ialah kita memberi keutamaan kepada penyampaian perkhidmatan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media pada Majlis Penyerahan Projek Bangunan Baharu Makmal Patologi, HSA; Klinik Kesihatan Taman Ungku Tun Aminah dan Klinik Kesihatan Palong Timur, Segamat di HSA, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong; Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhanimad Radzi Abu Hassan dan Pengarah Kesihatan Johor, Dr Mohtar Pungut @ Ahmad.

Perhalusi cadangan

Terdahulu, Dr Zaliha diminta mengulas kenyataan seorang Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN), Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) yang mempersoalkan etika pemakaian jururawat wanita yang didakwa ketat dan tidak patuh syariah.

Dalam perkembangan lain, Dr Zaliha berkata, KKM akan memperhalusi cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang mahu pesakit kanser dibenar beli susu formula khas di hospital dengan harga lebih murah berbanding pasaran.

Katanya, pihaknya perlu meneliti keperluan cadangan berkenaan dan melihat kesesuaian susu formula yang dikhaskan untuk pesakit kanser itu.

"Kita perlu melihat perincian perkara ini, mengenai susu, apa kandungannya, sesuai atau tidak untuk pesakit kanser dan sebagainya."

"Kalau perlu dan ada kepentingan kepada pesakit, kita boleh perhalusi perkara ini," katanya.

Kelmarin, media melaporkan, KPDN akan berbincang dengan Menteri Kesihatan supaya pesakit kanser boleh beli susu formula khas di hospital lebih murah berbanding pasaran.

"Saya sebenarnya sudah menjawab hal ini dan pada saya jika lihat pada pakaian jururawat ini ada etika yang jelas"

Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Hasil perbincangan di antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Kementerian Pertahanan (Mindef) berhubung isu milikan tanah yang dicadangkan bagi pembinaan Hospital Sultanah Aminah (HSA) 2 dijangka diketahui dua atau tiga bulan lagi.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, perbincangan itu berjalan lancar dan Mindef turut melihat kepentingan kesihatan perlu diutamakan.

"Mindef mengambil maklum kepentingan kesihatan dan mereka juga melihat pada kesesuaian tanah itu untuk pembangunan hospital.

"Kita akan teruskan perbincangan, mungkin dalam dua tiga bulan lagi dan jika selesai (perbincangan), kita tidak ada masalah (untuk bina HSA 2)," katanya ketika Majlis Penyerahan Projek Bangunan Baharu Makmal Patologi, HSA; Klinik Kesihatan Taman Ungku Tun Aminah dan Klinik Kesihatan Palong Timur, Segamat di HSA di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong; Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dan Pengarah Kesihatan



MENTERI Kesihatan Dr Zaliha Mustafa (tiga dari kanan) melihat mesin untuk pemeriksaan sampel darah di unit makmal patologi kimia ketika sesi lawatan pada Majlis Penyerahan Projek Makmal Patologi Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, Klinik Kesihatan Taman Ungku Tun Aminah Johor Bahru dan Klinik Kesihatan Palong Timur, Segamat di HSA, semalam.

ISU MILIKAN TANAH BINA HSA 2

Tunggu lagi tiga bulan

Johor, Dr Mohitar Pungut @ Ahmad.

Baru-baru ini, Tian Soon dilaporkan berkata, kerajaan negeri sedang menunggu hasil perbincangan KKM dengan Mindef berhubung isu tanah di Skudai itu sebelum permohonan peruntukan dan projek pembinaan HSA 2 dimulakan.

Dr Zaliha yang juga Ahli Parlimen Sekijang berkata, hospital baharu adalah keperluan di negeri ini berikutan penambahan penduduk dan peningkatan kes.

Terdahulu, Dr Zaliha mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi bagi membincangkan isu kesihatan di Johor.

Tak usah besar isu baju jururawat

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mahu membesarkan isu pakaian jururawat hospital awam yang dikatakan ketat dan tidak mematuhi syariah.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, KKM mempunyai etika pakaian jelas dan sudah ditetapkan.

Beliau berkata, apa yang lebih diberikan keutamaan oleh KKM kini soal penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Pakaian jururawat ada etika jelas. Pada saya, ia tiada masalah kerana paling penting kita memberi keutamaan kepada penyampaian perkhidmatan kepada rakyat itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media pada Majlis Penyerahan Projek Bangunan Baharu Makmal Patologi, HSA; Klinik Kesihatan Taman Ungku Tun Aminah dan Klinik Kesihatan Palong Timur, Segamat di HSA di sini, semalam.

KKM kaji syor pesakit beli susu formula khas di hospital

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperhalusi cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membenarkan pesakit kanser membeli susu formula khas di hospital dengan harga lebih murah berbanding pasaran.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, pihaknya perlu meneliti keperluan cadangan itu dan melihat kesesuaian susu formula diberikan buat pesakit kanser.

"Kita perlu melihat perincian perkara itu dan jika perlu serta ada kepentingan kepada pesakit, kita boleh perhalusinya," katanya pada Majlis Penyerahan Projek Bangunan Baharu Makmal Patologi, HSA; Klinik Kesihatan Taman Ungku Tun Aminah dan Klinik Kesihatan Palong Timur, Segamat di HSA di sini, semalam.

Semalam Metro Ahad melaporkan, KPDN akan berbincang dengan Menteri Kesihatan supaya pesakit

kanser dibenarkan membeli susu formula khas di hospital dengan harga lebih murah berbanding pasaran.

Menteri KPDN, Datuk Seri Salahuddin Ayub dilaporkan berkata, susu formula untuk pesakit kanser itu bukan barang harga kawalan dan memahaminya mahal kerana ia diimport.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan pesakit kanser resah apabila berlakunya kenaikan harga susu formula sejak tahun lalu hingga membebankan mereka.

Kenaikan harga RM10 itu didakwa berlaku sejak Disember lalu dan situasi terbabit membuatkan pesakit kanser bimbang jika harga susu terus meningkat terutamanya untuk mereka yang tidak mendapat bantuan.

Difahamkan, harga susu itu dulu dijual pada harga RM78 meningkat kepada RM80, RM82, RM88, RM90 dan terkini RM94 secara berperingkat yang secara tidak langsung membebankan pesakit.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



SEBAHAGIAN jururawat yang hadir sempena Hari Jururawat Antarabangsa Peringkat Negeri Johor pada awal bulan lalu.

Baju jururawat ikut etika – Menteri

JOHOR BAHRU – Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa menafikan dakwaan pakaian jururawat hospital awam di negara ini ketat dan tidak mematuhi syariah, sebaliknya menegaskan seragam itu mematuhi etika berpakaian penjawat awam.

Sehubungan itu, pihaknya tidak mahu isu berkenaan terus dibangkitkan khususnya ketika Kementerian Kesihatan (KKM) sedang beri tumpuan terhadap meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan di negara ini.

"Kalau tengok pakaian jururawat sekarang memang ada eti-

ka, jadi bagi saya tiada masalah. Sebaliknya yang paling penting sekarang adalah kerajaan telah meluluskan pembentangan Kertas Putih Kesihatan.

"Itu lebih utama kerana ia membincangkan tentang penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat, adalah penting untuk mereka faham bahawa kesihatan rakyat menjadi tumpuan Kerajaan Persekutuan ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Makmal Pa-

tologi Hospital Sultanah Aminah (HSA), Klinik Kesihatan Taman Ungku Tun Aminah dan Klinik Kesihatan Palong Timur di HSA, di sini semalam.

Pada 15 Jun lalu, seorang Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN), Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) mempersoalkan etika pemakaian jururawat wanita yang didakwa berpakaian ketat dan tidak patuh syariah.

Ketika membahaskan usul Kertas Putih Kesihatan di Dewan Rakyat, beliau mendakwa, kebanyakan jururawat wanita kerajaan berpakaian ketat.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Jasad siapa sebenarnya di bilik mayat?

Oleh **FITRI NIZAM**
fitri.nizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Siapa sebenarnya jasad lelaki warga Indonesia yang meninggal dunia pada 12 April lalu dan sehingga kini masih berada di rumah mayat Unit Forensik Hospital Kajang?

Akhbar ini melaporkan mengenai kematian seorang warga emas rakyat Indonesia bernama 'Basni Sabrah', 64, yang masih berada di rumah mayat dan hanya akan dikebumikan selepas pengesahan identiti oleh pihak berkuasa Indonesia.

Duta Indonesia ke Malaysia, Hermono berkata, waris kepada lelaki yang dikatakan 'Basni Sabrah' dari Kepulauan Riau, Indonesia berjaya dijejaki sekitar Mei lalu selepas mendapat laporan daripada Pusat Jagaan Nur Hasanah pada April.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Jasad siapa sebenarnya di bilik mayat?

Dari muka 1

Bagaimanapun, beliau berkata, selepas semakan dengan keluarga si mati, maklumat yang diterima menyatakan Basni Sabrah masih hidup dan bekerja di ibu negara.

"Pegawai kedutaan berjaya menjejaki isterinya yang kini berada di Riau, namun dia memaklumkan bahawa suaminya masih hidup.

"Melalui maklumat itu, pihak kedutaan kemudian menghubungi lelaki bernama Basni Sabrah dan mengesahkan bahawa dia masih hidup. Dia masih berada di Malaysia dan bekerja di Kuala Lumpur," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

"Basni Sabrah" yang meng-



BASNI SABRAH

ah, Beranang, meninggal dunia pada 12 April lalu.

Dia dimasukkan ke Hospital Kajang pada Disember 2019 akibat radang paru-paru teruk. Namun dia tidak dituntut oleh

mana-mana pihak dan memaksa pihak berkuasa merujuk lelaki tua itu ke pusat jagaan berkenaan.

Selepas empat tahun meng-

huni pusat jagaan warga emas berkenaan, lelaki itu meninggal dunia di Hospital Kajang akibat masalah kesihatan.

Untuk rekod, Basni Sabrah

adalah pemegang MyKad me-

rah (pemastautin tetap) berla-

mat di Parit 3, Ban 4 1/2, Sungai

Burong, Sekinchan, Selangor.

Hermono berkata, pihak

kedutaan masih tidak mempun-

yai sebarang petunjuk identiti

sebenar lelaki yang meninggal

dunia tersebut walaupun dika-

takan rakyatnya.

"Itu masalahnya sekarang,

kami tidak ada sebarang clue

siapakah identiti sebenar si

mati, jadi bagaimana surat ke-

benaran untuk menguruskan jenazahnya dapat dikeluarkan," katanya.

Kematian individu tanpa pengenalan atau tidak dituntut terutama membabitkan warga asing menyebabkan terdapat limpahan jasad di rumah mayat kemudahan forensik kerajaan.

Keadaan itu juga menyebabkan kebanyakan rumah mayat penuh dan memberi tekanan kepada pihak berkuasa terutama kerana terpaksa menyimpan jasad terlalu lama.

Selain itu pihak hospital berdepan masalah warga tua yang dihantar ke hospital bagi rawatan tetapi ditinggalkan waris masing-masing, sekaligus meningkatkan kesesakan di hospital yang sememangnya berdepan tekanan ramai pesakit.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Baju jururawat ikut etika

JOHOR BAHRU: Pakaian jururawat hospital awam di negara ini mematuhi etika berpakaian penjawat awam dan mematuhi syariah.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berharap isu berkenaan terus dibangkitkan ketika Kementerian Kesihatan (KKM) sedang memberi tumpuan terhadap meningkatkan tahap perkhidmatan kesihatan.

“Yang paling penting adalah kerajaan telah meluluskan Kertas Putih Kesihatan. Itu lebih utama kerana ia membincangkan tentang penyempaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat,” katanya.

Pada 15 Jun lalu, Ahli Parlimen Kuantan, Wan Razali Wan Nor mempersoalkan pakaian jururawat wanita yang didakwa ketat, ikut bentuk badan dan tidak patuh syariah.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

'No problem with uniforms'

Health Minister clarifies nurses adhere to dress code

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: There is no problem with the uniform of nurses in the country and the focus should instead be on providing good services to the people, says Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

"There (is a dress code) that nurses adhere to when it comes to uniforms, and it is clear to me that there is no problem.

"We have just tabled the Health White Paper and we should be focusing on what is important, which is providing the best health services.

"For now, I do not see the uniform as an issue," she told reporters when met after the handing over ceremony of three projects from the Public Works Departments to the Health Ministry here yesterday.

She said this when asked to comment on Kuantan MP Wan Razali Wan Nor's remarks on the attire of nurses.

While debating the White Paper of Public Health Reforms in the Dewan Rakyat recently, he had said the government should consider changing the uniforms for nurses as they were "too tight and not syariah-compliant."

The PAS MP has since come under fire from many Malaysians and organisations over his remarks.

On another matter, Dr Zaliha said her ministry will be having more awareness initiatives to ensure that the public is aware of the Health White Paper.

"I know that the people may not be fully aware of the Health White



Detailed work: Dr Zaliha (right) looking at the machine for testing blood samples in the chemical pathology lab at Hospital Sultanah Aminah in Johor Baru. — Bernama

Paper, and we will reach out to them to ensure that they know and understand the importance of health," she said.

She also said that negotiations over a piece of land that is expected to be the location of Hospital Sultanah Aminah 2 (HSA2) is still ongoing between her ministry and the Defence Ministry.

"The Defence Ministry is aware of the importance of health, and they will look into the suitability of using the land they own for the construction of the hospital," she said when asked about the progress of HSA2.

On Thursday, state health and unity committee chairman Ling Tian Soon said that discussions

were ongoing between the Health and Defence ministries with regard to a piece of land in Skudai for the proposed HSA2.

He said this was because the land that has been identified as a suitable location for the hospital is owned by the Defence Ministry.

"We faced some difficulties with regards to the land matter previously and asked the Health Ministry to carry out discussions with the land's owner.

"Once the land matter has been resolved, we can proceed to apply for an allocation for the construction of the hospital," he told a press conference after the state assembly sitting recently.

Earlier, Dr Zaliha witnessed the

handing over ceremony of three projects, namely, a new Pathology Lab at HSA, a health clinic at Taman Ungku Tun Aminah, and a health clinic at Palang Timur, Segamat.

Meanwhile, in a Facebook post, Johor Mentri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi expressed his gratitude to the Health Ministry and Dr Zaliha for having a discussion with the state government on several health matters, among which, he said, were the lack of staff, improvements to infrastructure, and the construction of HSA2.

Onn Hafiz also thanked the ministry for the projects amounting to RM73.5mil that would be completed soon.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NATION

MO shortage squeezing Sarawak

Hospitals in north of state severely lacking manpower, may limit services

By SHARON LING and
RAGANANTHINI VETHASALAM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The shortage of medical officers (MOs) in northern Sarawak hospitals may lead to these healthcare facilities limiting their services.

According to sources, the number of MOs at the Limbang and Miri hospitals are half of their ideal capacity.

"Limbang Hospital has been losing MOs in the past two years, with more quitting than transferring or leaving for specialisation, compared with the number of

new MOs coming in. This year, an MO has resigned almost every month," one source claimed.

But the hospital is still planning on expanding its services with specialisations being added despite having a lack of staff and equipment.

The source said some of the already existing departments have not enough MOs to run the show.

As for the Miri Hospital, there is no news of more MOs coming in yet despite placements being completed, the source said, adding that almost all departments are going to lose MOs since many

from the contract cohort have been offered permanent positions at other locations recently.

This has also raised concerns whether the hospitals can provide the public with the same level of care and services as before.

"There are some discussions of departments in Miri planning on limiting their available services. However, no such action has been taken yet," the source added.

Even the number of vacancies may not reflect the actual need.

"Specialists are also counted in the vacancies meant for MOs. Therefore, the slots will usually

be considered as filled by the hospital administration although specialists will be fulfilling their role as specialists instead of that of MOs," the source said.

According to another source, the situation is "dynamic" as some MOs, after serving a number of years, would leave for speciality training or private practice, or choose to return to their hometowns.

The contract system also complicates the matter as many MOs are feeling insecure in their jobs.

"There are no easy solutions. Internally, we have to deal with the fluctuation of numbers by

working together as a team – specialists, MOs, housemen, nurses and others – to address needs," the source said.

The source also said a better retention scheme was needed for hospital staff to stay in Sabah and Sarawak.

In addition, senior MOs in the speciality programme can be rotated to Sabah and Sarawak, but this requires planning, he added.

Most MOs are from the peninsula and most are not keen to serve in Sabah or Sarawak, with many turning down offers to serve in these two states.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NATION

Blood donations up again after pandemic drop

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: The blood donation rate in Malaysia is gradually improving after falling in the early years of the Covid-19 pandemic, says the Health Ministry, while adding that it still needs to increase.

Its director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said the blood donation rate in 2019 was 22.8 donors for every 1,000 people.

"However, the rate in 2020, 2021 and 2022 had dropped to

only between 19.7 and 22.5 donors for every 1,000 individuals due to the Covid-19 pandemic," he said in his speech during the National World Blood Donors and 75th anniversary of the Malaysian Red Crescent Society (MRCS) celebration.

"This was not just a problem in Malaysia but worldwide as well, as there were restrictions during the pandemic," he said at the Persada Johor International Convention Centre here yesterday.

The donation rate, however, started to improve in 2022 compared with 2021.

"In 2022, we had enough blood supply as we received 737,554 blood bags, an increase of 13.7% compared with the previous year.

"This is a proud achievement that was only possible with the support and cooperation of many groups, including donors and campaign organisers," said Dr Muhammad Radzi.

He added that the ministry has set a target to increase the blood donation rate to between 35 and 40 donors for every 1,000 people by 2030.

"This is to fulfil our blood supply needs in line with the annual

increase in population.

"We still have a long way to go and need to increase efforts to encourage more people to donate blood," he said.

Dr Muhammad Radzi said blood transfusions could be needed at any time, such as in emergencies involving accidents and childbirth.

"At the same time, there are also patients with health conditions such as thalassemia, cancer, haemophilia and primary immunodeficiency that need blood transfusions on a regular basis," he added.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : VIEWS

Mental health repercussions of natural disasters

NATURAL disasters, like floods, landslides, fires, etc, are not only terrible to go through but can also have an effect after the event.

There is a risk that you could develop post-traumatic stress disorder (PTSD).

Natural disasters, unlike other traumatic experiences, can inflict property destruction and substantial financial losses, influencing your stress levels and undermining your coping efforts.

Connection with social support might be difficult if not impossible if entire neighbourhoods/towns are affected.

However, there are some actions you can take to mitigate the chances of developing PTSD.

First, discuss what happened, share your emotions with others, or at the very least, find a means to express them. The experience can elicit intense feelings of rage, anxiety, and despair, which must be voiced out. If you hold them

in, the emotions will just become stronger.

In addition, prioritise self-care. Make sure you eat healthily, get enough sleep, and exercise often. Self-care is critical for human emotional wellness. You may boost your capacity to cope with the consequences of natural catastrophes by taking care of your body.

Even if you do not believe your symptoms are interfering with your life, it never hurts to reach

out to a professional. Speaking with a mental health expert can help you manage stress following a natural catastrophe. A mental health specialist may also assist you in dealing with challenges in relieving stress and revitalising your life. Such assistance can aid in preventing PTSD and other problems.

NUR SYAMIMI AMALIA ZAMRI
Nilai
Negri Sembilan

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Location for Johor hospital to be finalised

JOHOR BAHRU: The Health Ministry and Defence Ministry are expected to decide on the proposed location for the construction of the Sultanah Aminah Hospital 2 in two or three months.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said discussions between the two ministries proceeded smoothly and the Defence Ministry also took note of the importance and need for the construction of the hospital.

"We will have no problem once the location is finalised," she said after a handover ceremony of a Johor health facility at Sultanah Aminah Hospital yesterday.

Also present were Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan and Johor Health Committee chairman Ling Tian Soon.

On another matter, Zaliha said her ministry would refine a proposal to allow cancer patients to buy formula milk in the hospital at a cheaper price than on the market. - Bernama